

Headline	Penantian 14 tahun berakhir		
MediaTitle	Sinar Harian (Johor)		
Date	23 Feb 2018	Color	Full Color
Section	News	Circulation	160,000
Page No	24	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	210 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,471
Frequency	Daily	PR Value	RM 4,413



Penantian 14 tahun berakhir

KOTA TINGGI - Penantian selama 14 tahun sepasang suami isteri di Felda Air Tawar 3 di sini, untuk memiliki kediaman sendiri akhirnya tercapai.

Jamilah Ajmain, 51, anak peneroka Felda tersebut dan suaminya, Baharudin Ajmain, 56, merupakan antara generasi kedua yang bertuah apabila akhirnya menerima kunci dan sijil menduduki rumah program Rumah Mesra Rakyat 1Malaysia (RMR1M)-Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB).

Jamilah bersama suaminya yang juga Pembantu Penyelaras Pembangunan Perumahan Insan di Felda berkenaan menerima kunci disampaikan Pengurus Projek Syarikat Akar Indah Sdn Bhd (AISB), Engku Shah Engku Mansor yang turut dihadiri wakil SPNB.

Menurut Jamilah, selama ini dia dan suami tinggal serumah dengan bapanya di Felda tersebut.

Katanya, tiada kata-kata yang dapat digambarkan apabila dapat tinggal di rumah sendiri setelah sekian lama menanti.

"Setiap insan memerlukan



Engku Shah (kanan) menanam nanas selepas menyerahkan kunci dan sijil menduduki rumah kepada pasangan tersebut.

tempat tinggal, jadi kami merasa amat bertuah kerana akhirnya dapat mendiami rumah sendiri.

"Kami ucapkan terima kasih kepada semua pihak yang menjayakan hasrat kami ini," katanya.

Terdahulu, dalam majlis sama Engku Shah melakukan gimik penyerahan dengan menanam nanas madu di kediaman baharu pasangan itu.

Dalam pada itu, Engku Shah berkata, beliau mengucapkan terima kasih kepada

semua yang terlibat menjayakan projek perumahan AISB hingga berjaya.

"Sebelum ini, pengurusan AISB juga membuat penyerahan kunci dan sijil kepada 11 peserta RMR1M AISB disempurnakan Adun Johor Lama, Asiah Md Ariff.

"Pihak kita amat menyambut baik saranan wakil rakyat yang menyarankan projek ini dapat diuruskan dengan baik demi kelangsungan kemajuan dan kebajikan anak-anak peneroka di Felda ini," katanya.